

20 OCT 2003

MAHATHIR-GLOBALISASI/I

DR MAHATHIR: NEGARA MEMBANGUN DIANCAM OLEH GLOBALISASI YANG TIDAK
DIKAWAL

Oleh: Siti Hawa Othman

BANGKOK, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi amaran berhubung dengan globalisasi yang tidak dikawal, sambil mengatakan yang negara-negara membangun merasa terancam jika saingan bebas itu memaksa negara-negara membangun bersaing dengan negara-negara yang lebih maju.

Beliau berkata daripada meneruskan agenda globalisasi tanpa mempertimbangkan orang lain, "negara-negara membangun sepatutnya boleh melindungi perniagaan mereka sehinggalah mereka kukuh."

Berucap pada kira-kira 500 pemimpin industri pada Sidang Kemuncak Ketua-ketua Pegawai Eksekutif di sini hari ini, Dr Mahathir menyarankan perdagangan yang lebih adil di bawah globalisasi.

Ini merupakan pilihan yang lebih baik berbanding perdagangan bebas memandangkan perdagangan yang adil akan mengambil kira kelemahan negara-negara membangun, kata beliau dalam ucapannya mengenai saingan globalisasi yang diadakan sempena Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) bermula di sini Isnin.

"Kami mahu melihat perdagangan yang adil bukan perdagangan bebas. Perdagangan yang adil dan saksama boleh jadi bebas tetapi perdagangan bebas boleh jadi tidak adil," kata beliau.

Dr Mahathir, yang kehadirannya pada persidangan tidak rasmi Apec tahun ini merupakan yang terakhir sebagai Perdana Menteri kerana beliau akan bersara pada akhir bulan ini berkata, disebabkan senario seumpama ini, negara-negara membangun mahu melihat perdagangan yang adil dan saksama dalam agenda-agenda Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). -- BERNAMA

SHO MR AA